

Dalam siri kuliah anjuran Institut Timur Tengah (MEI), Universiti Nasional Singapura (NUS), Zamil Kanan yang juga Penyelaras bagi Program Pengajian Budaya dan Sosial Serantau, Iseas-Institut Yusof Ishak, Dr Norshahril Saat, membentangkan hubungan antara Islam Timur Tengah dengan Islam Asia Tenggara. Manakala Dr Hanan Almoaibed penyelidik di Pusat Penyelidikan dan Pengajian Islam Raja Faisal, atau dikenali sebagai KFCRIS, menjenguk kehidupan wanita Arab Saudi. Dua kuliah tersebut meningkatkan pemahaman tentang dinamik rantau Timur Tengah dan melihat kerumitan yang berlaku serta kesannya terhadap masyarakat Islam di Asia Tenggara.

Pengaruh Timur Tengah terhadap dunia Melayu Asia Tenggara

► NIZAM ISMAIL
nizam@sph.com.sg

Pengaruh Timur Tengah memainkan peranan penting dalam pelbagai aspek kehidupan. Ia termasuk agama, budaya, politik dan pendidikan, memberikan kesan signifikan terhadap pembinaan identiti kolektif dan dinamik sosial masyarakat Melayu dan lebih luas lagi di Asia Tenggara.

Zamil Kanan yang juga Penyelaras bagi Program Pengajian Budaya dan Sosial Serantau, Iseas-Institut Yusof Ishak, Dr Norshahril Saat, berkongsi tentang hubungan antara Islam Timur Tengah dan kesannya di Asia Tenggara.

Dalam kuliah anjuran Institut Timur Tengah (MEI), Universiti Nasional Singapura (NUS) baru-baru ini, beliau menyatakan bahawa pengaruh Timur Tengah terhadap Islam di Asia Tenggara telah berlangsung selama berabad-abad, menampilkan sejarah yang kaya dan kompleks.

"Penting untuk diperhatikan bahawa pengaruh progresif Timur Tengah saat ini mempunyai pengaruh yang bukan sedikit di wilayah ini dengan membawa gelombang pengaruh sejarah yang telah membentuk identiti Islam di Asia Tenggara.

"Agama adalah faktor utama yang menyatukan Timur Tengah dengan masyarakat Melayu/ Islam. Dengan Makkah dan Madinah yang terletak di Arab Saudi, jutaan umat Islam dari Asia Tenggara melaksanakan haji setiap tahun, meneguhkan hubungan rohani dengan wilayah tersebut.

"Selain itu, institusi pendidikan di Timur Tengah seperti Universiti Al-Azhar di Mesir, telah menjadi pusat pembelajaran untuk ramai pelajar Melayu.

"Pendidikan yang diterima di sini bukan sahaja merangkumi aspek keilmuan. Ia juga mendalamkan pemahaman agama dengan membawa pulang nilai-nilai dan tafsiran dari Timur Tengah ke tanah air mereka," kata Dr Norshahril.

Dengan majoriti umat Islam di wilayah ini berhaluan sunni, bernazhab Syafii, Islam di Asia Tenggara memiliki ciri khas yang erat kaitannya dengan struktur kekuasaan raja dan pemerintah yang berinteraksi dengan struktur masyarakat yang feodal dan hierarki, ujarnya.

"Melihat berbagai gelombang pengaruh yang telah membentuk Asia Tenggara selama berabad-abad, kita dapat memahami bahawa sejarah ini terus berkembang dan berubah.



KULIAH TIMUR TENGAH: Zamil Kanan yang juga Penyelaras bagi Program Pengajian Budaya dan Sosial Serantau, Iseas-Institut Yusof Ishak, Dr Norshahril Saat, menyampaikan kuliah anjuran Institut Timur Tengah (MEI), tentang Agama dan Politik Islam di Timur Tengah dan Kesannya terhadap Asia Tenggara baru-baru ini. - Foto BH oleh KHALID BABA

"Pengetahuan tentang sejarah ini penting untuk memahami bagaimana pengaruh Timur Tengah secara sejarah dan kontemporari akan terus membentuk dan mempengaruhi Islam di Asia Tenggara," ujar Dr Norshahril.

Fasa baru dalam interaksi antara Timur Tengah dengan dunia Melayu ini katanya juga telah memicu perubahan penting terutama dalam konteks kebangkitan Islam di peringkat sejagat.

Faktor seperti runtuhnya Kesultanan Uthmaniyyah, konflik Arab-Israel dan peristiwa geopolitik lain seperti perang Soviet ke atas Afghanistan dan Perang Dingin telah memberi sumbangan besar terhadap dinamik ini, ujarnya.

Pada 1970-an misalnya, terjadi kebangkitan Islam yang membawa praktik keagamaan baru ke wilayah ini.

Gerakan seperti Ikhwani Muslimin, Revolusi Iran, penyebaran ideologi Salafisme dan Wahabisme adalah tindak balas terhadap ketegangan geopolitik ketika itu.

Meskipun Iran adalah negara Syiah dan Asia Tenggara khususnya Malaysia dengan majoriti sunni, revolusi yang dipimpin oleh Ayatollah Khomeini menarik perhatian ramai.

Mereka tertarik untuk mempelajari revolusi tersebut, bukan semata-mata kerana aspek keagamaan, tetapi lebih kepada konsep kepe-

mimpinan revolusioner yang dapat disesuaikan dan diguna pakai dalam konteks alam Melayu itu sendiri, ujarnya.

Pengaruh revolusi itu tidak hanya terbatas pada masyarakat, malah turut meresap ke dalam struktur politik di Malaysia.

Parti politik Melayu di Malaysia mulai mengorientasikan diri mereka dengan mengambil inspirasi daripada model kepemimpinan ulama yang diperlihatkan oleh Ayatollah Khomeini, meskipun dengan penerapan yang berbeza mazhab.

"Peristiwa ini menunjukkan bahawa meskipun ada perbezaan mazhab, ideologi dan politik, peristiwa dan gerakan di Timur Tengah dapat memberi inspirasi dan mempengaruhi pemikiran serta tindakan di dunia Melayu.

"Ini menegaskan bahawa hubungan antara Timur Tengah dengan dunia Melayu tidak hanya terbatas pada agama, malah turut merangkumi aspek politik dan kebudayaan," jelas Dr Norshahril lagi.

INTERAKSI ISLAM DAN BUDAYA MELAYU

Dr Norshahril berpandangan bahawa masyarakat Melayu di pelbagai negara mempunyai orientasi dan praktik keislaman yang berbeza-

beza.

Ia bergantung pada bagaimana Islam diperkenalkan dan berkembang di wilayah tersebut, serta kebijakan kerajaan yang memerintah pada masa itu.

Di Indonesia, yang memiliki jumlah Muslim terbesar di dunia, Islam bukan dianggap sebagai agama rasmi negara. Sementara di Malaysia, Islam sebagai agama persekutuan, menunjukkan hubungan unik antara agama dengan raja.

Singapura, dengan masyarakat Muslim minoriti memiliki praktik budaya dan orientasi Islam yang disesuaikan mengikut konteks negara.

Manakala Brunei pula, sebagai monarki mutlak memiliki pandangan serupa dengan Malaysia dalam peranan sultan dalam mentakrifkan Islam.

"Penting untuk diingat bahawa pengaruh Timur Tengah di Asia Tenggara bukanlah statik; ia berkembang dan berubah sepanjang waktu. "Islam di Asia Tenggara secara umum bersikap neutral terhadap budaya Melayu dan bahkan memperkaya kosa kata bahasa Melayu.

"Interaksi antara pengaruh Islam dari Timur Tengah dengan budaya setempat telah menghasilkan gagasan-gagasan baru yang menarik, termasuk dalam reka seni.



"Ini menunjukkan kompleksiti hubungan antara Islam dengan budaya Melayu, di mana Islam tidak hanya mengubah aspek pemikiran, malah juga menghormati dan berinteraksi dengan budaya Melayu.

"Islam dan budaya Melayu saling mempengaruhi dan berkembang bersama-sama," kata Dr Norshahril.

PROSES ISLAMISASI DAN 'ARABISASI'

Menurutnya lagi, perubahan penting terjadi pada 1970-an dan 1980-an, di mana terdapat kelompok yang mendorong untuk kembali ke praktik Islam seperti di Timur Tengah, membawa fasa kebangkitan baru dalam tindak balas terhadap Timur Tengah dan dunia Melayu.

Kesan 'Arabisasi' di Asia Tenggara menurut Dr Norshahril telah mengalami gelombang lebih awal terhadap kebangkitan Islam hingga ke hari ini.

"Ketika kita melihat perkembangan sosial dan budaya di Asia Tenggara, kita dapat melihat perubahan dalam cara orang berpakaian, berperilaku dalam apa yang kita sebut sebagai gaya hidup Islam. Perubahan ini terjadi pada 1970-an dan 1980-an.

"Pemakaian hijab mengalami perubahan signifikan bermula melalui tersebut. Seiringan itu juga, dunia turut melihat perubahan yang terjadi di Timur Tengah, terutama yang terkait dengan 'kewajipan' spiritual mengenakan hijab," kata Dr Norshahril.

Tambah beliau, keseimbangan sering didengari dalam kalangan akademik, sarjana dan pemikir bahawa orang Melayu, terutamanya di Asia Tenggara, yang dominan beragama Islam, sedang kehilangan identiti budaya mereka dan menjadi 'orang Arab'.

"Pertanyaannya kini adalah seberapa responsif umat Islam di Asia Tenggara terhadap perubahan-perubahan ini, terutama yang terkait dengan hijab?

"Penting untuk diingat bahawa respons terhadap perubahan-perubahan ini pelbagai dan tergantung pada berbagai faktor, termasuk dinamik kelas sosial dan perilaku individu termasuk perubahan sosial dan budaya, perkembangan pendidikan dan pengaruh media.

"Timur Tengah tidak harus dipersalahkan atau dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas kesannya di Asia Tenggara. Ini kerana masyarakat Asia Tenggara masih mengekalkan identiti dan akar umbi mereka, tanpa terjebak dengan fahaman melampau dari luar yang tidak sesuai dengan konteks tempatan," ujar Dr Norshahril.